Karnival Krismas Gaya 19-21 Disember

Raikan musim Krismas di Jalan Gaya Kota Kinabalu bermula dari19 hingga 21 Disember ini. Acara ini akan dilancarkan pada 19 Disember pukul 7:00 malam, mengetengahkan persembahan gabungan koir pelbagai gereja dan persembahan khas boneka bertajuk 'Krismas', dipersembahkan oleh pemain-pemain boneka. Untuk dua hari seterusnya, jangan lepaskan pelbagai aktiviti sempena Hari Krismas, seperti Drama Kelahiran Nabi Isa dipersembahkan oleh kanak-kanak, persembahan lagu-lagu Krismas, tarian oleh Dance Powerhouse serta pertunjukan bunga api. Anda juga boleh menikmati persembahan oleh pemain gitar terkemuka Sabah, Roger Wang pada 21 Disember. Semua persembahan bermula pukul 8:00 malam.

Acara ini dianjurkan bersama oleh Majlis Gereja-Gereja Sabah dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Rev. John Yeo di talian 012-8022948 atau Elizabeth Borubui (Dewan Bandaraya Kota Kinabalu) di talian 088-521800.

Kunjungi

Kolam Air Panas Poring

Nikmati kebaikan terapi mandian air panas di Kolam Air Panas Poring. Terletak 43 kilometer dari ibu pejabat Taman Negara Kinabalu, tanah rendah panas di Poring menawarkan pelbagai tarikan.

Perjalanan menuju ke Poring melintasi pasar sayur dan buah-buahan terkenal di Kundasang. Di sini anda boleh menemui bermacam-macam jenis sayuran segar, buah-buahan tempatan, pokok-pokok dan madu yang dibotolkan.

Tarikan utama Poring pastinya kolam air panas yang dipercayai mempunyai unsur-unsur terapi yang baik untuk kesihatan. Berendam dalam air panas juga pasti menyegarkan selepas pendakian Gunung Kinabalu yang meletihkan. Di sini terdapat lima kolam air panas dengan suhu sekitar 49-60 darjah celsius.

Kompleks Ibu Pejabat Poring terletak di sempadan taman bersebelahan Sungai Mamut (550 meter di atas paras laut) dan menawarkan pelbagai kemudahan. Ini termasuk chalet dan asrama, pusat rama-rama, pusat pemuliharaan orkid, Taman Tropika seluas lima ekar dengan ladang pemeliharaan binatang, kolam-kolam air panas dan laluan kanopi.

Jom Pigi Taman! 1-2 Disember

Jom pigi taman! Bulan ini, jelajahilah Taman Pertanian Sabah di Tenom pada acara dua hari ini. Orang ramai dipelawa untuk menyertai pelbagai aktiviti menyeronokkan termasuk cabaran berbasikal, pertandingan memancing, peraduan mewarna untuk kanak-kanak dan banyak lagi. Taman pertanian terbesar di Sabah ini terdiri daripada pelbagai taman seperti Bougainvillea Court, Taman Bunga Raya dan Lily Glades. Jumpa di sana!

Bagaimana ke sana: Tenom terletak lebih kurang 3 jam memandu dari Bandaraya Kota Kinabalu. Bas dan teksi boleh didapati di terminal bas berdekatan Padang Merdeka Kota Kinabalu.

Apabila berada di Tenom…. kunjungi Kilang Serbuk Kopi Yit Foh (tel: 087-736657), terkenal menghasilkan minuman tempatan, kopi Tenom. Kenali kebudayaan dan tradisi masyarakat Murut di Pusat Kebudayaan Murut (tel: 087-302421) dan untuk mereka yang ingin mengembara, nikmati berakit di Sungai Padas (hubungi operator perjalanan anda untuk maklumat lanjut).

Untuk maklumat lanjut mengenai acara ini, hubungi Taman Pertanian Sabah di talian 088-258529/087-737952 (Puan Wan Masamah/Muhiddin Hj.Ismail). E-mel agripark@sabah.net.my. Layari laman web http://www.sabah.net.my/agripark